

## **Pemergian YABhg Tun Abdullah Ahmad Badawi: Satu Kehilangan Besar Buat Negara**

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) merakamkan ucapan takziah dan rasa dukacita yang mendalam atas pemergian YABhg Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia. Pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar kepada negara, khususnya dalam bidang pembangunan modal insan, sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Tun Abdullah dikenang sebagai pemimpin berwawasan yang telah memperkenalkan pendekatan pembangunan inklusif melalui penubuhan beberapa koridor ekonomi strategik di seluruh negara, termasuk NCER pada tahun 2007. Inisiatif ini telah menjadi pemangkin utama dalam menarik pelaburan, merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, serta memperkuat infrastruktur, pertanian moden dan pembangunan modal insan di NCER merangkumi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah telah menekankan prinsip Islam Hadhari, memperkuat tadbir urus yang baik dan memacu pembangunan negara berteraskan nilai-nilai murni. Beliau juga memainkan peranan penting dalam memperkuat hubungan antarabangsa Malaysia khususnya dengan negara-negara Islam melalui penyertaan aktif Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), serta menyuarakan isu-isu penting yang melibatkan umat Islam di peringkat global.

NCER menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga atas jasa dan sumbangan Allahyarham Tun Abdullah dalam membentuk dasar pembangunan yang inklusif dan mampan. Semoga roh beliau dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

**MOHAMAD HARIS KADER SULTAN**

**KETUA EKSEKUTIF, PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA  
(NCIA)**

**14 APRIL 2025**